

19 JUN 1998

Mahathir-pinjaman

M'SIA MOHON PINJAMAN TAMBAHAN BANK DUNIA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa Malaysia akan memohon pinjaman tambahan US\$700 juta daripada Bank Dunia.

Ketika bercakap kepada pemberita di akhir hari pertama Perhimpunan Agung UMNO di sini, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang dalam proses memohon pinjaman itu.

Bank Dunia hari ini meluluskan pinjaman US\$300 juta kepada Malaysia. Satu laporan Bernama dari Washington semalam memetik seorang pegawai Bank Dunia sebagai berkata Malaysia dijangka memohon sebanyak US\$700 juta lagi sebagai sebahagian daripada program pemulihan ekonominya.

Dr Mahathir berkata kedua-dua pinjaman itu akan digunakan khusus untuk program sosial bagi membantu rakyat mengatasi masalah sosial seperti perumahan, dan bukan untuk reformasi ekonomi.

Mengenai peruntukan tambahan RM\$7.03 bilion untuk meransang kegiatan ekonomi yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, beliau berkata itu akan menambah defisit dalam belanjawan kerajaan.

Anwar mencelah dengan berkata beliau akan mengumumkan butiran mengenai peruntukan tambahan itu bulan depan.

Dr Mahathir berkata oleh kerana pendapatan kerajaan berkurangan akibat kemerosotan dalam keuntungan syarikat dalam tempoh kegawatan sekarang, kerajaan menjangka ia akan mengalami defisit untuk tahun ini.

Pada asalnya, kerajaan menjangkakan lebih RM3.934 bilion dalam belanjawan.

"Kita mungkin terpaksa meminjam wang lagi seperti menerbitkan bon. Ini yang kita sedang usahakan," katanya.

Ditanya mengenai cadangan Pemuda UMNO agar undang-undang anti-monopoli diwujudkan bagi menghalang syarikat-syarikat yang mendapat projek penswastaan daripada melegarkan aktiviti perniagaan di kalangan mereka sahaja, Dr Mahathir berkata : "Saya bercadang menjelaskan perkara ini dalam ucapan penutupan nanti. Buat masa ini, anda harus hidup dalam keadaan tegang dan kejahilan."

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau mempunyai sebarang nasihat kepada Jepun bagi memulihkan ekonominya.

"Tak tahulah. Daripada apa yang saya baca mengenai Jepun, nampaknya mereka tidak dapat berbuat apa-apa.

"Mengikut satu laporan kewangan hari ini, Jepun (kononnya) langsung tidak tahu mengurus. (Seolah-olah) mereka perlukan tunjuk ajar daripada orang yang menulis laporan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata laporan itu memberi gambaran bahawa program pemulihan ekonomi Jepun sebanyak US\$130 bilion "sudah agak terlewat".

Ditanya apakah yang Malaysia pelajari daripada Jepun, beliau berkata : "Banyak pengajarannya. Kita sedang belajar mengenai pengurusan kewangan bank, pinjaman tak berbayar dan lain-lain lagi."

-- BERNAMA

AD MAI